

NO SOALAN :30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
(SARATOK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.10.2017

Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan pertumbuhan ekonomi negara dan kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2016 dan sehingga pertengahan tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 5.7% dalam tempoh enam bulan pertama 2017 disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan diperteguh oleh sektor luar yang lebih baik. Berdasarkan perkembangan ekonomi yang

rancak dalam tempoh separuh pertama, KDNK benar tahun ini dijangka terus mapan antara 5.2% dan 5.7% berbanding dengan 4.2% pada 2016. Pada masa yang sama, pendapatan per kapita meningkat 7.7% kepada RM40,713 daripada RM37,791 pada 2016.

2. Agregat permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan terutamanya didorong oleh perbelanjaan sektor swasta, sementara sektor awam terus melaksanakan langkah konsolidasi. Penggunaan swasta akan terus menerajui pertumbuhan ekonomi. Kecenderungan untuk berbelanja akan semakin kukuh didorong oleh kestabilan pasaran buruh, pendapatan eksport lebih tinggi dan inflasi terkawal dalam persekitaran kadar faedah rendah. Sementara itu, pelaburan swasta diunjur berkembang lebih kukuh disokong oleh perbelanjaan modal lebih tinggi terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pelaburan turut disokong oleh aliran pelaburan langsung asing (FDI) yang stabil sebanyak RM25.2 bilion dalam tempoh separuh pertama 2017.

3. Dari sudut penawaran, pertumbuhan akan disokong oleh prestasi lebih kukuh dalam semua sektor dengan perkhidmatan dan pembuatan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Pertumbuhan ekonomi yang kukuh ini turut dicerminkan oleh kestabilan pasaran buruh. Dalam tempoh separuh pertama 2017, jumlah guna tenaga meningkat 1.9% kepada 14.4 juta daripada 14.1 juta dalam tempoh

yang sama tahun lepas.

4. Meskipun momentum pertumbuhan kekal kukuh, Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran luar. Cabaran ini termasuk peningkatan dasar perlindungan; ketidaktentuan dasar negara maju; dan volatiliti pasaran kewangan. Walau bagaimanapun, pembaharuan struktur yang dilaksanakan sejak beberapa tahun bagi mempelbagaikan ekonomi dan mengukuhkan sistem kewangan telah menyediakan penampang untuk menangani cabaran luar tersebut.